

INTERNATIONAL JOURNAL  
OF LAW, GOVERNMENT  
AND COMMUNICATION  
(IJLGC)

[www.gaexcellence.com/ijlgc](http://www.gaexcellence.com/ijlgc)




**CINTA KEADILAN MELALUI PEMERKASAAN UNDANG-  
UNDANG SYARIAH DALAM KONTEKS PENDIDIKAN  
TINGGI**

*LOVE FOR JUSTICE THROUGH THE EMPOWERMENT OF SYARIAH LAW  
IN THE CONTEXT OF HIGHER EDUCATION*

Syaidatun Nazirah Abu Zahrin<sup>1\*</sup>, Kamilah Wati Mohd<sup>2</sup>, Naimatulapidah Abdul Majid<sup>3</sup>,  
Soleha Saat<sup>4</sup>, Nor Azean Hasan Adali<sup>5</sup>

<sup>1</sup>Pusat Pengajian Citra Universiti, Universiti Kebangsaan Malaysia;  
Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia

 [syaidatun@ukm.edu.my](mailto:syaidatun@ukm.edu.my)

 <https://orcid.org/0000-0002-5559-6943>

<sup>2</sup>Fakulti Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Malaysia

 [kamilah@usim.edu.my](mailto:kamilah@usim.edu.my)

 <https://orcid.org/0000-0002-7514-8793>

<sup>3</sup>Qurra Learning Centre, Malaysia

 [naimatul2104@gmail.com](mailto:naimatul2104@gmail.com)

 <https://orcid.org/0009-0000-4610-9990>

<sup>4</sup>Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia

 [solehasaat@gmail.com](mailto:solehasaat@gmail.com)

 <https://orcid.org/0009-0004-8614-9398>

<sup>5</sup> Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia

 [azeanhasan49@gmail.com](mailto:azeanhasan49@gmail.com)

 <https://orcid.org/0009-0007-5399-3164>

\*Corresponding Author

**Article Info:**

**Article history:**

Received date: 16.04.2026

Revised date: 27.04.2026

Accepted date: 21.05.2026

Published date: 23.06.2026

**Abstrak:**

Keadilan membawa maksud meletakkan sesuatu pada tempatnya. Cinta kepada keadilan menjadi teras kepada keharmonian dan kesejahteraan masyarakat. Menegakkan keadilan melalui lusan undang-undang adalah hak setiap individu melangkaui agama, bangsa, keturunan, kedudukan sosial mahupun politik. Di Malaysia, pelaksanaan dualisme undang-undang bermakna undang-undang sivil dan syariah dilaksanakan seiring walaupun bidang kuasa Mahkamah Syariah adalah sangat terhad. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu kaedah kajian perpustakaan dalam mencari bahan kajian dan data yang diperolehi telah dianalisis secara tematik, berdasarkan kata kunci cinta keadilan, institusi pendidikan tinggi dan undang-undang Syariah. Kajian ini menganalisis sumber ilmiah dari tahun 2012 hingga ke tahun 2025 dan

**To cite this document:**

Zahrin, S. N. A., Mohd, K. W., Majid, N. A., Saat, S., & Adali, N. A. H. (2026). Cinta Keadilan Melalui Pemerkasaan Undang-Undang Syariah Dalam Konteks Pendidikan Tinggi. *International Journal of Law, Government and Communication*, 11(44), 196-208.

**DOI:** 10.35631/IJLGC.1144012

dikecualikan mengenai aspek campur tangan kerajaan dalam sistem keadilan. Makalah ini menganalisa cabaran pelaksanaan undang-undang Syariah di Malaysia, rentetan daripada beberapa kes yang mencabar bidang kuasa Badan Perundangan Negeri dalam membuat peruntukan berhubung kesalahan jenayah Syariah. Dapatan kajian ini merumuskan terdapat keperluan untuk melahirkan lebih ramai modal insan yang mahir dalam kedua-dua bidang, iaitu undang-undang sivil dan syariah bagi mendepani konflik bidang kuasa mahkamah sivil dan mahkamah syariah yang masih berterusan. Institusi Pengajian Tinggi memainkan peranan yang penting dalam melahirkan graduan yang celik kedua-dua bidang. Selain itu, nilai-nilai cinta keadilan perlu diterapkan melalui silibus dan aktiviti kokurikulum yang bersesuaian. Kajian ini penting dalam memupuk minat graduan undang-undang mahupun syariah untuk menceburi kedua-dua cabang undang-undang selain mengenalpasti langkah-langkah yang perlu diambil bagi memastikan cinta keadilan dapat diterapkan dalam kalangan mahasiswa dan masyarakat.

**Kata Kunci:**

Bidang Kuasa Mahkamah; Cinta Keadilan; Institusi Pendidikan Tinggi; Undang-Undang Syariah

**Abstract:**

Justice means putting something in its rightful place. Love for justice becomes the core of harmony and societal well-being. Upholding justice through the rule of law is the right of every individual regardless of religion, race, lineage, social status, or politics. In Malaysia, the implementation of legal dualism means civil and Syariah Laws are enforced concurrently, even though the jurisdiction of the Syariah Courts is very limited. This study uses a qualitative approach, namely the library research method to gather materials. The data obtained were analysed thematically using the keywords: love for justice, higher education institutions, and Syariah Law. This study analyzes scientific sources from 2012 to 2025, excluding aspects of government intervention in the justice system. This paper analyses the challenges of implementing Syariah law in Malaysia following several cases that challenged the legislative powers of the State Law-making Bodies in establishing provisions related to Syariah criminal offenses. The findings of this study conclude that there is a need to produce more human capital proficient in both fields, whether civil law or Syariah law, to address the ongoing jurisdictional conflicts between civil and Syariah courts. Higher Education Institutions play an important role in producing graduates who are literate in both fields. In addition, values of love for justice need to be instilled through appropriate syllabus and co-curricular activities. This study is important in cultivating the interest of law and Syariah law graduates to venture into both branches of law, as well as identifying the measures that need to be taken to ensure that the love for justice can be instilled among students and the community.

**Keyword:**

Court Jurisdiction; Higher Education Institutions; Love for Justice; Syariah Law



© The authors (2026). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the

## Pengenalan

Cinta adalah perasaan positif dan bersifat selektif dalam niat baiknya. Keadilan, sebaliknya, merujuk kepada tindakan dan susunan dalam dunia sosial, dan dikaitkan dengan kesaksamaan dan rasionaliti. Apa yang didorong oleh cinta untuk kita lakukan mungkin melanggar keadilan, walaupun kita menganggapnya sebagai kewajiban moral untuk membantu terlebih dahulu mereka yang kita cintai (Pelton 2012). Ia berakar daripada hasrat manusia untuk memajukan perundangan secara semula jadi. Ia lebih daripada sekadar amalan kebiasaan dalam kehidupan. Ia menuntut kepada perubahan yang konstruktif dan dinamik. Tujuannya adalah untuk menjana hasil yang normatif dan positif, dengan mengelakkan sebarang campur tangan yang mungkin wujud dalam pelaksanaan undang-undang akibat tekanan politik, sosial dan ekonomi.

Cinta keadilan bermaksud menegakkan keadilan dengan prinsip akauntabiliti undang-undang, ketelusan dan nilai moral tinggi yang tulen bagi kemanusiaan. Sebuah demokrasi yang rasional dan murni dapat mencapai tahap penghormatan tertinggi daripada manusia apabila para pendukung undang-undang sentiasa mengambil kira akibat daripada tindakan dan keputusan yang dibuat (Malekian 2017). Cinta kepada keadilan menjadi teras kepada keharmonian dan kesejahteraan masyarakat. Menegakkan keadilan melalui luns undang-undang adalah hak setiap individu melangkaui agama, bangsa, keturunan, kedudukan sosial mahupun politik.

Secara umumnya syariah membawa maksud undang-undang, aturan-aturan dan ketetapan-ketetapan Allah SWT yang diperuntukkan kepada manusia bagi mengatur hubungan manusia dengan penciptanya iaitu Allah SWT, hubungan manusia sesama manusia dan hubungan dengan alam untuk mencapai kesejahteraan, keamanan dan kedamaian di dunia bagi menjamin kebahagiaan kehidupan yang abadi di akhirat kelak (Hamid et al. 2018). Allah SWT berfirman dalam Surah al-Jathiyah ayat ke-18 yang bermaksud:

*Kesudahannya Kami jadikan engkau (Wahai Muhammad dan utuskan engkau) menjalankan satu syariat (yang cukup lengkap) dari hukum-hukum agama; maka turutlah syariat itu, janganlah engkau menurut hawa nafsu orang-orang yang tidak mengetahui (perkara yang benar).*

Menurut Bakar (2018), Undang-undang Syariah bukan ciptaan manusia, tetapi ia adalah daripada Allah SWT yang diperturunkan menerusi Rasulullah SAW. Syariah dari segi bahasa membawa maksud “Jalan yang Lurus” sebagaimana Firman Allah SWT di dalam al-Quran, “Kemudian Kami jadikan kamu berada di atas jalan yang lurus (Syariah) maka hendaklah kamu mengikutinya. Dan jangan sekali-kali mengikuti nafsu mereka yang tidak mengetahui (al-Quran 45:18). Ali (2022) menegaskan undang-undang Syariah adalah sebagai manual tata atur hidup manusia berlandaskan segala perintah dan larangan dari Allah SWT sebagai Pencipta kepada manusia selaku makhluk dan hamba-Nya.

Undang-undang Syariah ini jelas meliputi seluruh kehidupan kita manusia iaitu dalam bidang ibadah, *muamalat* (urusan perniagaan), *munakahat* (urusan perkahwinan), wasiat dan perwarisan, jenayah, pemerintahan dan lain-lain lagi. Allah SWT menetapkan undang-undang ini untuk menjaga maqasid al-syariah (maksud-maksud Syariah) itu sendiri iaitu lima (5) perkara yang sangat penting yang perlu dititikberatkan dalam kehidupan umat manusia. *Maqasid Syariah* adalah lima (5) prinsip Islam yang asas yaitu menjaga agama, jiwa, akal, keturunan dan harta. Di satu sudut yang lain, ada juga ulama klasik yang menganggap maqasid

itu sebagai logik pensyariatian sesuatu hukum. Kesimpulannya, maqasid syariah ialah masalah-masalah yang ingin dicapai oleh syariat demi kepentingan umat manusia (Harahap & Arisman 2024).

Makalah ini menganalisa cabaran pelaksanaan undang-undang syariah di Malaysia rentetan daripada beberapa kes yang mencabar bidang kuasa Badan Perundangan Negeri dalam membuat peruntukan berhubung kesalahan jenayah syariah. Di Malaysia, menggunakan dualisme undang-undang bermakna undang-undang sivil dan syariah dilaksanakan seiring walaupun bidang kuasa Mahkamah Syariah adalah sangat terhad (Lukman, n.d). Perbincangan seterusnya melihat peranan institusi pengajian tinggi dalam melahirkan tenaga pakar dalam bidang undang-undang dan syariah. Selain itu, fokus perbincangan juga tertumpu kepada keperluan menerapkan cinta keadilan di kalangan mahasiswa dan masyarakat.

Pengajian tinggi ialah satu jenis pendidikan yang diberikan di institusi pengajian pasca sekunder dan biasanya pada akhir pengajian, dianugerahkan ijazah atau diploma. Institusi pengajian tinggi tidak hanya merangkumi universiti, politeknik dan kolej tetapi juga pelbagai sekolah profesional (Barnett 1990) yang menyediakan persiapan dalam bidang seperti sains, undang-undang, teologi, perubatan, perniagaan, muzik dan seni. Pendidikan tinggi juga merangkumi sekolah latihan guru, maktab rendah dan institut teknologi (Nolen 2019). Syarat kemasukan asas bagi kebanyakan institusi pengajian tinggi adalah tamatnya pendidikan menengah. Kini, pengajian tinggi bukan hanya sebahagian daripada sistem pendidikan negara, malah ia adalah sebuah institusi penting dalam kalangan masyarakat moden (Syaidatun Zahrin 2023). Di institusi pendidikan tinggi, ahli akademik berperanan sebagai cendekiawan dan ahli intelek yang memenuhi keperluan menyampaikan ilmu dan kemahiran yang merangkumi tanggungjawab; tugas; ekspektasi masyarakat dan pihak berkepentingan (Norzaini Azman 2016). Dapatan kajian merumuskan terdapat keperluan untuk melahirkan lebih ramai modal insan dari instituti pendidikan tinggi yang mahir dalam kedua-dua bidang, samada undang-undang sivil dan syariah, bagi mendepani konflik bidang kuasa mahkamah sivil dan mahkamah syariah yang masih berterusan. Institusi pengajian tinggi memainkan peranan yang penting dalam melahirkan graduan yang celik kedua-dua bidang ini. Selain itu, nilai-nilai cinta keadilan perlu diterapkan melalui silibus dan aktiviti kokurikulum yang bersesuaian. Kajian ini penting dalam memupuk minat graduan undang-undang mahupun syariah untuk menceburi kedua-dua cabang undang-undang selain mengenal pasti langkah-langkah yang perlu diambil bagi memastikan cinta keadilan dapat diterapkan dikalangan mahasiswa dan masyarakat.

## Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu kaedah kajian perpustakaan dalam mencari bahan kajian. Kajian ini telah dianalisis secara tematik dan menjadi sebuah kajian konseptual. Enjin carian yang telah digunakan ialah *Google Scholar*, *Research Rabbit*, *Myto*, *Connected Papers*, *Academia* dan *Research Gate*. Manakala artikel-artikel jurnal yang telah dirujuk adalah berindeks *Scopus*, *WoS*, *MyCite* dan *peer-review* bagi menjamin kebolehpercayaan sumber. Kaedah yang digunakan ialah analisis dokumen dalam bentuk buku, jurnal, tesis dan prosiding dari tahun 1979 hingga tahun 2025, selaras dengan perkembangan semasa berkaitan undang-undang Syariah dan pendidikan tinggi. Bahan dipilih menggunakan kata kunci menggunakan kata kunci cinta keadilan, konflik bidang kuasa, *undang-undang Syariah* dan *Pendidikan Tinggi* bagi mengenal pasti pola perbincangan serta jurang kajian yang wujud dalam rujukan ilmiah yang sedia ada. Pengecualian adalah dalam aspek..... Hasil analisis tematik mendapati beberapa tema permasalahan utama telah dikenal pasti, antaranya ialah kekurangan

minat dalam bidang Syariah, serta cabaran yang timbul apabila undang-undang sivil mencabar keputusan undang-undang Syariah. Tema-tema ini seterusnya dianalisis secara kritikal bagi memahami implikasinya terhadap pembangunan pendidikan undang-undang Syariah dan pemupukan nilai cinta keadilan dalam konteks institusi pengajian tinggi.

### *Permasalahan Kajian*

Mutakhir ini, pelaksanaan undang-undang syariah di Malaysia mendepani banyak cabaran apabila terdapat beberapa kes yang mencabar bidang kuasa mahkamah Syariah sehingga ke peringkat mahkamah Persekutuan **yang memperlihatkan masih terdapat ketidakjelasan sempadan bidang kuasa antara Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil (Lukman, n.d)**. Rentetan itu, terdapat keperluan untuk melihat semula bidang kuasa mahkamah Syariah supaya ia selari dengan peruntukan Perlembagaan tanpa mengetepikan kepentingan undang-undang Syariah yang menjadi teras kehidupan setiap orang Islam. Cabaran semasa ini memerlukan kepada pengamal undang-undang yang mahir dan berpengalaman dalam kedua-dua cabang undang-undang memandangkan Malaysia mengamalkan dualisme undang-undang di mana undang-undang sivil dan syariah berjalan seiring namun beroperasi dalam kerangka bidang kuasa yang berbeza.

Walau bagaimanapun, bidang kuasa mahkamah syariah amat terhad. Ini adalah kerana undang-undang sivil masih berasaskan kepada undang-undang Inggeris (Awal 2008). Justeru, perkara ini menuntut lebih ramai graduan undang-undang beramal dalam kedua-dua bidang undang-undang bagi memastikan kefahaman menyeluruh serta mengurangkan konflik dan pertindihan bidang kuasa. Penguasaan Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab juga penting bagi graduan untuk menguasai kedua-dua bidang undang-undang sivil dan undang-undang Syariah. Institusi pengajian tinggi memainkan peranan yang penting dalam melahirkan sumber manusia yang berkemahiran tinggi. Selain itu, rasa cinta kepada keadilan masih berada pada tahap yang rendah dan perlu diterapkan dalam kalangan mahasiswa dan masyarakat sebagai teras kepada keharmonian negara.

### **Dapatan Kajian dan Perbincangan**

#### *Cabaran Bidang Kuasa Perundangan di Malaysia*

Sejarah telah membuktikan bahawa kewujudan undang-undang Islam di Malaysia bermula seiring dengan kedatangan Islam ke Semenanjung Tanah Melayu pada abad ke-13. Undang-undang ini seterusnya berkembang melalui beberapa fasa penting, iaitu pada era pemerintahan negeri-negeri Melayu sebelum kedatangan kuasa Barat, diikuti zaman penjajahan Portugis, Belanda dan Inggeris, yang telah memberi kesan besar terhadap kedudukan undang-undang Islam. Selepas negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, undang-undang Islam terus mengalami perubahan dan penyesuaian dalam kerangka sistem perundangan negara (Azhar & Hussain 2012). Penjajahan Inggeris di Tanah Melayu serta kemudian di Sabah dan Sarawak membawa banyak perubahan dalam sistem perundangan tempatan. Kesan tersebut dapat dilihat sehingga kini apabila sebahagian besar sistem perundangan negara masih berteraskan undang-undang Inggeris, misalnya melalui Akta Undang-undang Sivil 1956 (Awal 2008).

Mahkamah Syariah melalui pelbagai cabaran sepanjang sejarah perkembangan negara. Dari awalnya merupakan rujukan utama, kemudian meluntur akibat penjajahan, dikalahkan oleh mahkamah sivil dan memerlukan kesedaran, kebijaksanaan dan usaha yang gigih untuk

diangkat kembali tampil gah dan signifikan. Sebelum kedatangan British, Negeri Tanah Melayu mempunyai sistem mahkamah tersendiri iaitu Mahkamah Kadi yang berperanan dalam melaksanakan undang-undang Islam dan undang-undang Adat. Perkara ini dapat dilihat dalam Kanun Melaka dan Undang-Undang Perak. Keputusan Mahkamah dalam beberapa kes awal seperti kes *Ramah v Laton* [1927] 6 FMSLR 128 menunjukkan undang-undang yang terpakai adalah undang-undang Islam. Justeru itu untuk mengatakan yang mahkamah Syariah adalah mahkamah kelas kedua adalah tidak benar sama sekali (Bakar 2018).

Apabila British memperkenalkan Ordinan Mahkamah 1948 untuk menyusun semula struktur mahkamah, Mahkamah Kadi tidak termasuk dalam struktur yang baru. Berikutan daripada penstrukturan semula tersebut, perkara-perkara yang tidak berkaitan dengan agama Islam diletakkan di bawah bidang kuasa Mahkamah Sivil manakala perkara-perkara yang berhubung dengan agama Islam seperti isu pernikahan dan jenayah-jenayah yang berkaitan dengan agama seperti minum arak, berzina, tidak berpuasa di bulan Ramadhan diletakkan dibawah bidang kuasa Mahkamah Syariah. Hal ini menjadikan bidang kuasa Mahkamah Syariah menjadi sempit dan terhad (Aziz 2018; Khalil 2022). Pada masa ini bidang kuasa jenayah mahkamah Syariah terhadap hukuman penjara tidak melebihi 3 tahun, denda tidak melebihi RM5,000.00 dan sebat tidak melebihi 6 kali. (Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Akta 355) (Nasri 2018).

Selepas kemerdekaan Tanah Melayu pada tahun 1957 dan pembentukan Malaysia pada tahun 1963, undang-undang Islam telah memasuki satu era baharu. Pada ketika itu, pelbagai enakmen berkaitan undang-undang Islam mula digubal serta dikemas kini dari semasa ke semasa bagi menyesuaikan diri dengan tuntutan masyarakat yang semakin berkembang. Hasil daripada usaha ini, undang-undang Islam yang berkuat kuasa di negeri-negeri Malaysia pada masa kini tampil dalam bentuk yang lebih kemas, tersusun, dan berbentuk undang-undang bertulis (Azhar & Hussain 2012).

Disamping itu, pelbagai perubahan dalam memartabatkan Mahkamah Syariah dibuat. Diantaranya ialah apa yang diusahakan oleh Ahmad Ibrahim, seperti pengukuhan taraf dan kedudukan hakim Mahkamah Syariah, pegawai kehakiman dan perundangan, pemisahan Mahkamah Syariah daripada Majlis Agama Islam, penyusunan Mahkamah Syariah kepada tiga (3) peringkat iaitu kelahiran Hakim Syarie, Peguam Syarie dan pegawai Syariah yang kompeten dalam kedua-dua undang-undang Syariah dan Sivil melalui program diploma lanjutan pascasiswazah yang diadakan di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan universiti-universiti lain yang setaraf dengannya. Sorotan literatur juga menunjukkan penyeragaman dan penyelerasan Undang-undang Keluarga Islam antara negeri, pengasingan bidang kuasa antara Mahkamah Syariah dengan Mahkamah Sivil, dan pensisteman Mahkamah Syariah melalui laporan kes dalam Jurnal Hukum dan Jurnal Al-Ahkam (Shah & Buang 2021).

Perlembagaan Malaysia juga membahagikan bidang kuasa Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam perkara-perkara tertentu sepertimana termaktub dibawah Jadual ke Sembilan Perlembagaan Persekutuan. Implikasi kepada perkara ini ialah Kerajaan Persekutuan tidak boleh membuat undang-undang berkenaan perkara-perkara dibawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Begitu juga Kerajaan Negeri tidak dibenarkan untuk membuat undang-undang mengenai perkara-perkara di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan. Sekiranya sesuatu pihak gagal mematuhi pembahagian kuasa ini, undang-undang yang dibuat boleh diisytiharkan sebagai batal dan tidak sah. Walaupun perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan pemisahan kuasa antara Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah, isu konflik

bidangkuasa masih berlaku dalam amalan. Perkara ini banyak berlaku dalam kes-kes berkaitan status agama, perkahwinan, perceraian, hak penjagaan anak serta kesalahan jenayah Syariah. (Jamadi *et al*; 2025)

Diantara kes yang sering dirujuk dalam membincangkan konflik bidang kuasa ialah kes *Myriam lwn Mohamed Ariff [1971] 1 MLJ 265*. Dalam kes tersebut, seorang ibu telah menuntut hak jagaan anak lelaki yang berumur 3 tahun dan anak perempuan 8 tahun. Apabila perceraian berlaku, Mahkamah Syariah telah memutuskan untuk memberi hak penjagaan kepada bapanya. Kemudian, ibu telah berkahwin dengan lelaki lain dan dia memohon hak penjagaan anak di Mahkamah Tinggi. Mahkamah Tinggi berpendapat bahawa Mahkamah mempunyai bidang kuasa mendengar kes tersebut. Mahkamah Tinggi memutuskan bahawa di bawah undang-undang Sivil dan undang-undang Islam, pertimbangan utama hendaklah diberi kepada kebajikan kanak-kanak itu dan dalam kes itu, Mahkamah Tinggi telah memberi hak penjagaan anak lelaki kepada ibunya dan anak perempuan kepada bapanya. Ini bertentangan dengan peruntukan dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam pada ketika itu yang menghalang hak penjagaan anak kepada ibunya sekiranya ibu tersebut telah berkahwin dengan lelaki lain. Sayangnya di dalam kes ini, hakim telah mengatakan beliau tidak semestinya mengikut dengan tepat apa yang diperuntukkan di dalam agama Islam (Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang 2025).

Mutakhir ini, terdapat beberapa kes penting yang dilihat mencabar bidang kuasa Mahkamah Syariah. Dalam kes *Iki Putra bin Mubarak lwn Kerajaan Negeri Selangor dan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) [2020] MLJU 518*. Pemohon telah didakwa atas kesalahan meliwat di bawah Enakmen Jenayah Selangor 1995. Pemohon mendakwa Dewan Undangan Negeri atau Mahkamah Syariah tidak mempunyai bidang kuasa untuk menggubal atau membicarakan jenayah liwat. Mahkamah Persekutuan sebulat suara bersetuju dengan hujah pemohon bahawa seksyen 28 Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995 yang memperuntukkan persetubuhan bertentangan dengan hukum tabii sebagai satu jenayah adalah tidak berperlembagaan, terbatal dan tidak sah kerana undang-undang jenayah yang sama telah digubal dibawah kuasa Kerajaan Persekutuan. Justeru itu, Kerajaan Negeri tidak boleh membuat undang-undang yang sama. Di satu sudut, keputusan ini dilihat memberi kesan positif kepada penjajaran semula bidang kuasa kes jenayah diantara Mahkamah sivil dan Mahkamah Syariah supaya lebih jelas. Di sudut yang lain, kes ini akan memberi kesan kepada peruntukan berkenaan kesalahan jenayah dibawah enakmen-enakmen negeri yang lain.

Selain itu kes *Nik Elin Zurina binti Nik Rashid and Anor lwn Kerajaan Negeri Kelantan [2024]* juga memberi impak yang besar kepada undang-undang Islam yang sebelum ini digubal oleh Negeri-Negeri. Secara ringkas dalam ke ini Pempetisyen (Nik Elin Zurina dan Tengku Yasmin Natasha) telah menfailkan satu petisyen berhubung dengan kuasa Badan Perundangan Negeri Kelantan untuk menggubal atau membuat beberapa peruntukan dalam Enakmen kanun Syariah Jenayah (1) (2019). Pempetisyen menyatakan bahawa beberapa peruntukan di bawah Enakmen tersebut adalah tidak sah atas alasan bahawa Badan Perundangan Negeri tidak mempunyai kuasa untuk membuat peruntukan bagi perkara-perkara yang berada di bawah bidang kuasa Parlimen. Mahkamah Persekutuan secara majoriti bersetuju dengan hujahan ini. Dalam mencapai keputusan tersebut mahkamah menerima pakai ujian inti pati (*pith and substance*) iaitu sekiranya dari segi inti patinya peruntukan yang dibuat oleh Badan Perundangan Negeri adalah perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan maka Badan Perundangan Negeri tidak mempunyai kuasa untuk membuat peruntukan tersebut.

Perkembangan terkini ini menimbulkan kerisauan dan tanda tanya di kalangan masyarakat awam, apa akan terjadi kepada kedudukan dan hala tuju undang-undang Syariah di Malaysia. Dalam menangani isu ini, selain reformasi undang-undang, pendidikan dan latihan memainkan peranan yang penting. Bakal hakim dan peguam perlu dilatih untuk memahami prinsip-prinsip perundangan dan cara menangani kes-kes yang melibatkan konflik bidang kuasa (Jamadi Salleh *et al* 2025). Justeru itu, Institusi Pengajian Tinggi perlu mengorak langkah menyediakan graduan-graduan terlatih supaya pelaksanaan undang-undang Islam tidak dikesampingkan.

### ***Kurikulum dan Latihan di Peringkat Institusi Pendidikan Tinggi di Malaysia dalam Melahirkan tenaga pakar dalam Bidang Undang-Undang Sivil dan Syariah***

Para Pengamal undang-undang yang terdiri daripada para peguam dan hakim memainkan peranan yang penting dalam memperkasakan undang-undang Syariah di Malaysia. Ini kerana undang-undang bukan sahaja boleh dibuat dalam bentuk statut (undang-undang bertulis) malah boleh juga dibentuk melalui prinsip *common law* iaitu keputusan yang dibuat oleh hakim dalam sesuatu kes. Justeru itu, institusi pengajian tinggi memainkan peranan yang penting dalam melahirkan sumber manusia yang mempunyai pengetahuan yang mendalam dalam kedua-dua bidang tersebut.

Pada masa ini terdapat tiga (3) bentuk kursus yang ditawarkan oleh pihak universiti iaitu:

- Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Sivil)
- Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang dan Syariah
- Ijazah Sarjana Muda Syariah

**Jadual 1: Senarai Kursus Guaman Syariah yang Ditawarkan oleh Institusi Pengajian Tinggi**

<b>Universiti</b>	<b>Kelayakan</b>	<b>Ijazah Syariah</b>
Universti Malaya	LLB	UM menawarkan ijazah Sarjana Muda Syariah dan Undang-Undang dibawah Fakulti Pengajian Islam
Universiti Teknologi Mara	<i>Advanced Diploma Law</i> LL. (Honours)	UiTM menawarkan kursus <i>Diploma in Syariah Law and Legal Practice</i> (DSLPA) di peringkat pascasiswazah.
Universiti Islam Antarabangsa	LL.B (Honours)	Pelajar perlu menyambung Pengajian selama setahun lagi bagi mendapatkan ijazah LLB.S dari UIAM  UIAM menawarkan kursus <i>Diploma in Syariah and Legal Practice</i> (DSLPA) dan <i>Diploma in Administration Islamic Judiciary</i> (DAIJ) di peringkat pascasiswazah
Universiti Kebangsaan Malaysia	LL.B (Honours)	UKM menawarkan kursus <i>Diploma in Administration of Islamic Judiciary and</i>

*Legal Practice* (DAIJ) di peringkat pascasiswazah

Universiti Utara Malaysia	LL.B (Honours)	UUM menawarkan pengajian Ijazah Sarjana Muda Syariah dengan Pengurusan (Kepujian)
Multimedia Universiti	LL.B (Honours)	MMU menawarkan Foundation in Law dan Bachelor of Laws (Hons.)
Universiti Sultan Zainal Abidin	LLBS (Honours)	UNISZA menawarkan Diploma Syariah dan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam (Syariah) dengan kepujian
Universiti Sains Islam Malaysia	Bachelor of Law and Syariah (Honours)	USIM menawarkan pengajian selama 5 tahun bagi membolehkan pelajar mendapat dua ijazah dalam bidang undang-undang dan syariah.  USIM menawarkan kursus <i>Diploma in Islamic Judicial and Advocatory Practice</i> (DIJAP) di peringkat pascasiswazah
Universiti Sultan Azlan Shah	Diploma Pascasiswazah	USAS menawarkan kursus <i>Diploma in Judicial Practice and Syariah</i> (DKGS) di peringkat pascasiswazah

Berdasarkan Jadual 1 diatas dapat dirumuskan bahawa ijazah sarjana muda undang-undang di Malaysia ditawarkan dalam beberapa bentuk iaitu undang-undang sivil sahaja, undang-undang Syariah sahaja atau dwi ijazah sivil dan Syariah. Terdapat beberapa institusi pengajian tinggi yang menawarkan ijazah lanjutan bagi sesiapa yang ingin mendalami undang-undang Syariah. Ini menunjukkan kesediaan di peringkat institusi pengajian tinggi dalam melahirkan modal insan yang berupaya mengamalkan kedua-dua cabang undang-undang yang ada di Malaysia.

***Laluan Professional bagi Graduan Undang-Undang dan Syariah***

Laluan kerjaya graduan undang-undang sudah tentu tidak terhad kepada menjadi pengamal undang-undang, peguam syarie atau hakim sahaja. Mereka boleh menceburi pelbagai bidang lain seperti menjadi pengawai syariah, penasihat undang-undang, penasihat kewangan dan perbankan, pegawai tadbir, penguatkuasa dan lain-lain. Apa yang penting mereka boleh menjadi pakar rujuk apabila sesuatu isu yang melibatkan hukum hakam Islam.

Walau bagaimanapun, graduan undang-undang yang mempunyai pengetahuan dalam bidang syariah sangat digalakkan untuk beramal bukan sahaja sebagai peguam sivil malah turut menjadi peguam syarie supaya mereka boleh beramal di kedua-dua mahkamah. Perlu difahami, untuk menjadi peguam syarie di Malaysia memerlukan kelayakan yang tertentu yang berbeza di setiap negeri. Secara umum syarat-syarat yang diperlukan adalah seperti berikut:

### Seorang yang beragama Islam

- Telah mencapai umur dua puluh satu tahun
- Seorang warganegara Malaysia
- Berkelakuan baik. Tidak pernah disabitkan atas apa-apa kesalahan oleh Mahkamah Syariah atau Mahkamah Sivil di Malaysia atau di luar Malaysia atau pemastautin tetap Malaysia
- Bukan seorang yang bankrap
- Telah menghadiri dan lulus kursus pengajaran, lathan, pendidikan, temu duga atau peperiksaan yang telah ditetapkan
- Menjalani latihan dalam kamar selama 6 bulan di mana-mana firma guaman syarie bawah seliaan seorang Peguam Syarie yang telah beramal secara aktif sekurang-kurangnya untuk tempoh 7 tahun. (Akta Profession Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2019) (Kaedah-Kaedah Profession Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Kelayakan bagi Penerimaan Masuk Sebagai Peguam Syarie (Malaysia 2023)).

Kelayakan akademik yang diperlukan bagi penerimaan masuk sebagai peguam Syarie tertakluk kepada Kaedah-Kaedah atau Peraturan-Peraturan Peguam Syarie bagi setiap negeri. Secara umum pemohon mestilah memiliki kelayakan akademik seperti berikut:

Ijazah Sarjana Muda Syariah dan Diploma Pentadbiran Kehakiman Islam atau yang setaraf dengannya dari mana-mana universiti atau institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia

Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang dan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Syariah) atau yang setaraf dengannya dari mana-mana universiti atau institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia

Sekiranya dia seorang Peguambela dan Peguamcara dibawah Akta Profession Undang-Undang 1976 (Akta 166) mestilah memiliki Diploma Pentadbiran Kehakiman Islam atau yang setaraf dengannya dari mana-mana universiti atau institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia (Malaysia 2023).

Galakan untuk para graduan melanjutkan pengajian dalam bidang undang-undang Syariah boleh dilakukan dengan menaja pelajar-pelajar ini dalam bentuk biasiswa seperti yang telah dilakukan oleh Majlis Agama Islam Negeri Sabah yang menaja pelajar-pelajar menambil Diploma Amalan Guaman (Dijap Pesisir Sabah) di USIM serta bantuan kewangan seperti yang dilakukan oleh UIAM melalui IIUM Endowment fund. Usaha ini sangat signifikan dalam melahirkan lebih ramai modal insan dalam bidang undang-undang dan syariah.

### ***Keperluan Menerapkan Nilai Cinta Keadilan di Kalangan Mahasiswa dan Masyarakat***

Pemupukan nilai cinta keadilan dalam kalangan mahasiswa dan masyarakat merupakan komponen penting bagi memperkukuh pelaksanaan undang-undang Syariah melalui institusi pendidikan tinggi. Institusi pendidikan tinggi bukan sahaja berperanan sebagai medium penyampaian ilmu perundangan, tetapi juga sebagai platform untuk membentuk kesedaran etika, nilai moral dan kefahaman terhadap keadilan berasaskan prinsip Syariah (Shukor et al. 2024). Sebagaimana yang telah ditekankan oleh Pelton (2012), individu boleh bertindak untuk perkara baik secara bersendirian, tetapi secara umumnya hanya boleh bertindak secara adil melalui instrumen kerajaan yang mewakili masyarakat kolektif. Secara analogi, dalam skala

yang lebih besar, boleh dikatakan bahawa walaupun sebuah masyarakat yang teratur boleh bertindak secara adil terhadap individu-individu di dalamnya, ia hanya boleh menunjukkan kewajiban moral terhadap negara dan rakyat lain dengan bertindak secara adil dan selektif terhadap mereka, kerana ia tidak mempunyai keupayaan untuk bertindak secara adil bersendirian. Maka di sinilah instituti pendidikan tinggi memainkan peranan yang penting di dalam memartabatkan undang-undang Syariah.

Pada awal pengajian undang-undang sivil dan undang-undang Syariah, mahasiswa hendaklah dipupuk dari awal konsep memperjuangkan keadilan melalui cinta keadilan. Mahasiswa merupakan bakal pengamal undang-undang dan agen transformasi sosial adalah perlu untuk menguasai konsep keadilan yang melangkaui penguasaan teknikal semata-mata (Samsuddin 2023). Dalam konteks masyarakat, peningkatan kesedaran dan penghargaan terhadap prinsip keadilan dapat mengurangkan salah faham serta mengekang penentangan terhadap pelaksanaan undang-undang Syariah (Nizam et al. 2023).

Terdapat beberapa fungsi dan kepentingan penerapan nilai cinta keadilan iaitu:

1. Memperkukuhkan legitimasi undang-undang Syariah dalam sistem perundangan dualistik.
2. Melahirkan mahasiswa sebagai agen perubahan dan berfikiran kritis.
3. Meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan undang-undang Syariah dan keadilan sosial.
4. Mengurangkan konflik tafsiran dan pertindihan bidang kuasa antara Mahkamah Syariah dan undang-undang sivil.
5. Memupuk keharmonian sosial dengan menjadikan keadilan sebagai asas dalam interaksi sosial dan pentadbiran undang-undang (Faruqi 1979).

Maka, pendidikan tinggi memegang peranan penting dalam membentuk modal insan yang bukan sahaja mahir dalam undang-undang, malahan berintegriti dan beretika. Penerapan cinta keadilan secara konsisten berpontensi menyokong keberkesanan pelaksanaan undang-undang Syariah dan memastikan kelestarian keharmonian sosial dalam sistem perundangan Malaysia yang dualistik.

### ***Membangunkan Masyarakat yang Cinta Kepada Keadilan***

Cinta kepada keadilan mendokong kepada tertegaknya keadilan. Keadilan menjamin kepada kerukunan hidup. Justeru, masyarakat yang hidup dalam keamanan memerlukan kepada ahli masyarakat yang cinta kepada keadilan. Keadilan dalam Islam ialah meletakkan sesuatu sesuai di tempatnya. Kesesuaian ini bukanlah ditetapkan oleh pertimbangan akal dan perasaan manusia, tetapi ditentukan oleh pencipta manusia dan alam semesta. Keadilan yang bersifat universal ini selari dengan fitrah manusia, dan menjamin kelangsungan kesejahteraan hidup bermasyarakat. Masyarakat yang cinta kepada keadilan, akan hidup dengan saling hormat-menghormati dan berkasih sayang selari dengan nilai keadilan yang ada di dalam Islam. Di antara ciri-ciri keadilan itu adalah seperti, menjaga hak belas ihsan kepada yang lemah dan memerlukan.

## ***Cakna Penindasan, Keganasan Rumah Tangga dan Penderaan dan Pengabaian Kanak-Kanak***

Masyarakat yang mencintai keadilan cenderung peka terhadap pelbagai bentuk penindasan dan keganasan, termasuk keganasan rumah tangga, penderaan dan pengabaian kanak-kanak serta buli. Fenomena seperti kes adik Zara Qairina, aktiviti haram seperti operasi kilang tanpa lesen dan penyeludupan produk eksotik seperti musang king di Pahang. Ini menunjukkan bahawa ketidakadilan sosial bukan sahaja wujud dalam kalangan individu, tetapi juga dalam konteks pelanggaran undang-undang yang lebih luas. Masyarakat yang sensitif terhadap isu ini akan bertindak secara proaktif melalui saluran undang-undang dan sosial bagi memastikan keadilan ditegakkan, termasuk membuat aduan dan menyokong tindakan penguatkuasaan seperti tangkapan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) dan pihak berkuasa lain apabila diperlukan.

Di Malaysia, statistik pada tahun 2024 menunjukkan peningkatan kes keganasan rumahtangga kepada 7,112 kes berbanding 5,507 kes yang direkodkan pada tahun 2023. Peningkatan ini menuntut penelitian semula terhadap keberkesanan perundangan sedia ada, khususnya pindaan ke atas Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 (Akta 521) serta perundangan berkaitan bagi memastikan kawalan dan pelaksanaan yang lebih berkesan, khususnya bagi menangani peningkatan jumlah kes dan kes-kes yang tertangguh (Bernama 2025).

Selain itu, bagi tempoh Januari hingga Julai 2025 sejumlah 1,183 kes keganasan rumah tangga yang melibatkan lelaki telah direkodkan. Manakala, pada tahun 2024 pula jumlah kes yang melibatkan lelaki adalah sejumlah 1,865 kes (Rosli 2025). Peningkatan kes yang melibatkan kaum lelaki menunjukkan bahawa keganasan rumah tangga bukan sahaja bukan fenomena terpendul, sebaliknya semakin meluas dan merentasi jantina. Keadaan ini secara langsung menuntut perundangan yang lebih menyeluruh, selain daripada menekankan aspek pencegahan, pendidikan masyarakat dan pemerkasaan mekanisme perlindungan terhadap mangsa.

### **Cadangan dan Implikasi Kajian**

#### ***Peranan Ahli Akademik***

Graduan yang berkemahiran dalam bidang perundangan Islam ini amat diperlukan bagi memenuhi jawatan dalam perkhidmatan perundangan dan kehakiman Islam seperti hakim, pendakwa, pendaftar, pegawai sulh dan sebagainya. Peningkatan kes-kes mal dan jenayah di Mahkamah Syariah juga dilihat sebagai mewujudkan keperluan yang amat relevan kepada tenaga profesional yang menceburi bidang kepeguaman syarie. Ismail & Mat (2012) melaporkan terdapat lima Institusi Pengajian Tinggi Awan (IPTA) yang menawarkan program berkaitan syariah dan undang-undang di negara ini iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM), Terkini telah bertambah IPTA dan IPTS yang menawarkan program berkaitan syariah dan undang-undang iaitu di Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Islam Selangor (UIS), Kolej Universiti Islam Perlis (KUIP), Open Universiti Malaysia (OUM), dan Universiti Sultan Azlan Shah (USAS). Universiti yang menawarkan kedua-dua kursus iaitu Undang-undang Sivil dan Undang-undang Syariah ialah USIM, UIAM dan UNISZA (<https://www2.mqa.gov.my/mqr/akrbyipta.cfm>).

### ***Peranan Ahli Keluarga***

Menganjurkan semua ahli keluarga agar cakna terhadap undang-undang Syariah serta mendaulatkannya melalui usaha menggalakkan ahli keluarga mempelajari dan menguasai undang-undang Syariah. Di samping itu, penglibatan wanita dalam undang-undang Syariah perlu dipertingkatkan. Walaupun wanita lebih memahami realiti kehidupan serta hal ehwal yang berkaitan wanita, bilangan penglibatan wanita dalam parlimen masih rendah (Zakuan 2019). Begitu juga kurangnya penglibatan wanita dalam undang-undang Syariah. Menurut Zakuan (2019), penglibatan wanita dalam parlimen telah membawa perubahan kepada dasar Negara kerana penggubalan polisi melibatkan undang-undang secara langsung.

### ***Peranan Institusi Pendidikan Tinggi***

Peranan utama institusi ini boleh dilihat melalui beberapa aspek iaitu:

1. Penekanan terhadap penguasaan undang-undang sivil dan Syariah: Pembelajaran di peringkat univertiti perlu dirancang secara seimbang untuk memastikan pelajar menguasai undang-undang sivil dan Syariah. Juga memahami kedua-dua sistem perundangan yang saling terkait dan menepati tuntutan semasa. Proses pembelajaran juga harus bersesuaian dengan perubahan sosial dan perkembangan perkhidmatan undang-undang bagi melahirkan graduan yang berkemahiran dalam menangani isu-isu perundangan kontemporari (Agensi Kelayakan Malaysia 2015).
2. Pembentukan nilai etika, integriti dan keadilan: Membentuk pelajar yang bukan sahaja memahami asas perundangan tetapi juga menghayati prinsip moral dalam melaksanakan undang-undang Islam. Menurut Talib et al. (2024), pendidikan berkualiti membantu membentuk insan yang seimbang dari segi ilmu dan akhlak.
3. Kerjasama strategik untuk meningkatkan pendidikan kehakiman Syariah : Institusi pendidikan tinggi turut berperanan membentuk pembangunan profesional undang-undang melalui kerjasama antara pihak universiti dan Majlis Agama Islam. Sebagai contoh, Universiti Islam Sains Malaysia menjalin kolaborasi dengan Majlis Ugama Islam Negeri Sabah bagi memperkukuhkan pendidikan kehakiman Syariah dan membangunkan modal insan berkemahiran tinggi dalam perundangan Syariah (Ghani 2025).

### **Kesimpulan**

Langkah untuk menerapkan nilai cinta kepada keadilan dalam masyarakat bermula daripada pendidikan di rumah oleh ibubapa seterusnya diperkukuhkan lagi melalui pendidikan di peringkat sekolah dan institus pengajian tinggi. Masyarakat yang celik undang-undang pasti mahu memastikan negara ditadbir berdasarkan prinsip rukun negara dan undang-undang yang jelas. Bagi masyarakat Islam undang-undang Syariah perlu diperkasakan lagi ke arah pelaksanaan yang lebih menyuruh dan sistematik sepertimana yang dituntut dalam Al-Quran dan hadis. Usaha mendaulatkan undang-undang Syariah perlu dipertingkatkan melalui ilmu, penghayatan serta penglibatan yang aktif dari institusi pendidikan tinggi. Oleh yang demikian, keterlibatan pengamal undang-undang Syariah dan Sivil sangat diperlukan demi mengangkat kedudukan undang-undang Islam di tempat yang sepatutnya. Islam sebagai rahmat kepada sekalian alam menjamin kesejahteraan insan, di dunia dan di akhirat. Apabila ia dapat direalisasikan, semua umat madani dapat merasai rahmat keadilan dan kasih sayang Ilahi.

---

<b>Penghargaan:</b>	Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada UKM dan USIM di atas sokongan dan kemudahan yang diberikan sepanjang kajian ini dijalankan.
<b>Penyataan Pembiayaan:</b>	Kajian ini tidak menerima sebarang pembiayaan.
<b>Pernyataan Konflik Kepentingan:</b>	Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan berkaitan penerbitan kertas kerja ini. Semua penulis telah menyumbang kepada kajian ini dan telah meluluskan versi akhir manuskrip untuk penyerahan kepada <i>International Journal of Law, Government and Communication</i> (IJLGC).
<b>Pernyataan Etika:</b>	Kajian ini tidak melibatkan sebarang responden manusia, haiwan, atau data sensitif yang memerlukan kelulusan etika. Penulis mengesahkan bahawa penyelidikan ini telah dijalankan selaras dengan prinsip integriti akademik dan piawaian etika penerbitan yang diterima umum.
<b>Pernyataan Sumbangan Penulis:</b>	Semua penulis telah menyumbang secara signifikan terhadap pembangunan manuskrip ini. [Penulis SNAZ] bertanggungjawab terhadap pengkonsepian, metodologi dan penyeliaan keseluruhan kajian. [Penulis KWM] mengendalikan pengumpulan data, analisis serta tafsiran dapatan kajian. [Penulis SS, NAM dan NAZA] menyumbang kepada sorotan literatur, penyediaan draf, dan semakan kritikal manuskrip. Semua penulis telah membaca dan meluluskan versi akhir manuskrip sebelum penyerahan.

---

## Rujukan

- Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). (2015). *Standard Program: Undang-Undang dan Perundangan Syariah*. Edisi Kedua. Petaling Jaya, Selangor.
- Akta Profession Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2019 (Akta 814) (2019)*. Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Ali, H. Z. (2022). *Hukum Islam: Pengantar Ilmu Hukum Islam di Indonesia*. Sinar Grafika.
- Alias, M. A. A. (2024). Analisis terhadap bidang kuasa mahkamah Syariah dalam kes-kes jenayah syarie di Malaysia: Isu dan cadangan penambahbaikan. *Journal of Fatwa and Falak Selangor*, 1(2), 12-23.
- Awal, N. A. M. (2008). *Pengenalan Kepada Sistem Perundangan di Malaysia*. Petaling Jaya, Selangor: *International Law Book Services*.
- Azhar, A & Hussain, M. A. (2012). Perluasan skop undang-undang Islam di Malaysia: Aplikasi dan implikasinya. *Jurnal Syariah*, 20(2), 163-184.
- Aziz, S. A. (2018). *Islam dalam Perlembagaan Persekutuan*. Kuala Lumpur: Penerbit IKIM.
- Azman, N. (2016). *Memperkasa Kepimpinan Akademik: Semai Bakti Menuai Budi*. Terengganu: Penerbit Universiti Malaysia Terengganu.
- Bakar, Z. R. A. (2018). Perundangan Syariah adalah undang-undang kelas kedua di Malaysia?. *Konvensyen Pegawai Penguatkuasa Agama dan Pendakwa Syarie Malaysia*, 1-28.
- Bari, A. A. (2003). Issues of Islamisation of Law in Malaysia, kertas kerja yang dibentangkan di International Conferens on Harmonization of Shariah and Civil Law, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia pada 20-21 Oktober 2003.
- Barnett, R. (1990). *The Idea of Higher Education*. United Kingdom: McGraw-Hill Education.
- BERNAMA. (2025). Kes Keganasan rumah tangga meningkat kepada 7,116 kes pada 2024. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/03/1193109/kes-keganasan-rumah-tangga-meningkat-kepada-7116-kes-pada-2024> (Diakses pada 1 Januari 2026).
- Saleh, J., Paisal, M. M. A., Ibnu, F. A. M., Othman, M. H. V., Cheng, R. J., Shah, M. Z. D., & Ahmad, A. (2025, December). Jurisdictional Overlap Between the Civil Courts and the Syariah Courts: Analysis and Solutions. In *International Conference on Syariah, Law and Science (CFORSJ i-CONF)-CFORSJ Procedia* (Vol. 3, No. 1, pp. 1-15). Penerbit USIM.
- Faruqi, S. S. (1979). Legal education and social justice. *Journal of Malaysian and Comparative Law*, 6(2), 339-352.
- Ghani, A. H. A. (2025). USIM dan MUIS Perkukuh Pendidikan Kehakiman Syarie di Sabah. Universiti Islam Sains Malaysia. <https://www.usim.edu.my/ms/berita/usim-dan-muis-perkukuh-pendidikan-kehakiman-syarie-di-sabah/> (Diakses pada 1 Januari 2026).
- Hamid, M. L., Rofie, M. K. H., Yazid, A. A., Zain, A. M., Yassin, K. M., Ahmad, K., Hayiwaesorhoh, M., Dahaman @ Dahlan, M. A., Rahman, M. N. A., Ahmad, M., Mahmad, M. A., Cusairi, R. M., Ahmad, S., Hamid, S. A. & Abdullah, S. F. (2018). *Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS)*. Kedah, Malaysia: UUM Press.
- Harahap, S., & Arisman, A. (2024). Maqashid Al-Syari'ah berdasarkan kemaslahatan yang dipelihara dalam hukum Islam. *Hukumah: Jurnal Hukum Islam*, 6(2), 92-106.
- Ismail, S. Z., & Mat, M. Z. A. (2012). Kerelevanan program pengajian undang-undang Islam dalam mendepani cabaran semasa: pengalaman Universiti Malaya. Article, *International Conference on Research in Islamic and Arabic Language Education*.
- Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang. (2025). Perundangan Syariah Di Malaysia: Satu Analisis Sejarah. <https://jksnpp.penang.gov.my/index.php/media->

- menu/penerbitan-mahkamah?view=article&id=78:perundangan-syariah-di-malaysia-satu-analisis-sejarah&catid=18:penerbitan-mahkamah (Diakses pada 1 Januari 2026).
- Khalil, S. A. (2022). Pendekatan Siyāsah Syar ‘Iyyah dalam menangani isu perundangan jenayah semasa di Malaysia: Siyāsah Syar ‘iyyah approach in dealing with current criminal legislation issues in Malaysia. *Jurnal Fiqh*, 19(2), 157-188.
- Lukman, M. K. B. (n.d.). Memperkasakan Undang-Undang Jenayah Syariah Melalui Undang-Undang Persekutuan. [https://d1wqtxts1xzle7.cloudfront.net/120918694/MEMPERKASAKAN\\_UNDANG\\_UNDANG\\_JENAYAH\\_SYARIAH\\_MELALUI\\_UNDANG\\_UNDANG\\_PERSEKUTUAN](https://d1wqtxts1xzle7.cloudfront.net/120918694/MEMPERKASAKAN_UNDANG_UNDANG_JENAYAH_SYARIAH_MELALUI_UNDANG_UNDANG_PERSEKUTUAN) (Diakses pada 30 Januari 26).
- Malaysia (2023). *Kaedah-Kaedah Profession Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Kelayakan bagi Penerimaan Masuk Sebagai Peguam Syarie) 2023* [P.U. (A) 284]. Jabatan Peguam Negara.
- Malekian, F. (2017). *A Lecture with the Confidence to be Cultivated by the Future Carriers of Love for Justice: In Judgments of Love in Criminal Justice*. Cham: Springer International Publishing.
- Nasri, M.S. (2018). Akta 355 dan perkembangan bidang kuasa mahkamah Syariah dalam perkara jenayah di Malaysia. *Journal of Law and Governance*, 1(1), 77-90.
- Nizam, N. N. M. N., Asmuri, A. I., Asri, N. S. M., Mazlan, N. H., Rafiee, M. D. D. & Azhar, M. A. S. (2023). Peranan undang-undang Islam dalam membendung gejala sosial dan memelihara institusi keluarga. *E-Journal of Islamic Thought and Understanding*, 6(1), 40-59.
- Nolen, J. L. (2019). *Higher education*. Encyclopedia Britannica. <https://www.britannica.com/topic/higher-education>. (Diakses pada 4 Jun 2025).
- Pelton, L.H. (2012). Love and justice. Presented at the 9th World Congress of the International Society for Universal Dialogue, in Olympia, Greece, June 22-27. Published in conference proceedings, in Skepsis: A Journal for Philosophy and Inter-disciplinary Research, XXII/i, 152-162.
- Rosli, F. A. (2025). 1,183 kes keganasan rumah tangga babit lelaki direkodkan Januari hingga Julai 2025. Berita Harian Online. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/10/1465447/1183-kes-keganasan-rumah-tangga-babit-lelaki-direkodkan-januari>. (Diakses pada 1 Januari 2026).
- Samsuddin, S. (2023). The urgency of Islamic legal education: shaping the character of individuals with ethics and justice. *Indonesian Journal of Research and Educational Review*, 3(1), 113-120.
- Shah, M. H. S. M. H. & Buang, A. H. (2021). Ahmad Ibrahim dan sumbangannya dalam perkembangan islam di Malaysia: Ahmad Ibrahim and his contribution in the development of Islam in Malaysia. *Journal of Al-Tamaddun*, 16(1), 81-98.
- Shukor, S. A., Osman, N. D. & Juliansyahzen, M. I. (2024). Maqasid Syariah-Based ethics in Law and Syariah programmes in higher education: Guarding emerging technology. *LexForensica: Journal of Forensic Justice and Socio-Legal Research*, 1(1), 34-40.
- Talib, M. N. M., Nurodin, M. H., Shukri, J. A. A., Zainal, A. N. A., Sattar, A. A. A. & Mokhtar, S. (2024). Hala tuju Pendidikan Tinggi Islam dalam memacu transformasi Malaysia madani. *Journal of Modern Education (IJMOE)*, 6(22), 232-246.
- Zahrin, S. N. A., & Ali, R. M. (2019). Love: The agenda for uniting the Muslim Ummah (LUMU). *MALIM: South East Asia Journal of General Studies*. Vol.18: 1-19.
- Zahrin, S. N. A. (2021). *Love: The Agenda for Uniting the Muslim Ummah*. Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Zahrin, S. N. A. (2023). *Pembangunan Dan Kebolegunaan Modul Cinta Penulisan & Penerbitan Jurnal (CPPJ) Untuk Pelajar Pasca Siswazah dan Ahli Akademik*. Tesis Doktor Pendidikan Tinggi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zakuan, U. A. A. (2019). *Women in the House: Leadership in the Malaysian Parliament*. Gombak, Selangor: IIUM Press. <https://www2.mqa.gov.my/mqr/akrbyipta.cfm>. Diakses pada 20 Mei 2026.